

35

SOALAN NO: 23

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad
[Parit Sulong]

TARIKH : 14 November 2017

SOALAN : Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah impak yang dihasilkan menerusi program Usahawan Mobile Food Kiosk Agropreneur Muda MOA yang telah dijalankan dan bagaimanakah pihak Kementerian melihat penglibatan usahawan muda menerusi program yang dianjurkan ini sebagai petunjuk yang baik kepada generasi muda negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Mobile Food Kiosk adalah konsep yang diperkenalkan bagi menaiktaraf kaedah perniagaan dan pemasaran konvensional menggunakan khemah dan gerai. Konsep ini bersifat ekonomi yang memberi peluang kepada usahawan baru atau sedia ada untuk memilikinya mengikut kesesuaian produk-produk yang diniagakan oleh usahawan seperti produk makanan, produk segar dan peruncitan.

Berikut merupakan impak bagi program Mobile Food Kiosk:

- i. Memberikan peluang transformasi perniagaan kepada usahawan
- ii. Meluaskan jaringan pemasaran dengan penggunaan konsep kiosk 'mudah alih'
- iii. Menaiktaraf infrastruktur tempat perniagaan mudah alih yang lebih teratur, *hygienic* dan kemas.
- iv. Membina satu lanskap baru bagi peniaga jalanan di Malaysia

Bagi Mobile Food Kiosk di bawah Program Agropreneur Muda, setiap kiosk mudah alih yang diterima oleh usahawan mendapat pengesahan perlesenan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Sehingga kini, seramai 448 usahawan agropreneur muda telah mendapat bantuan dalam bentuk kiosk, dan servis pemasaran bagi menaiktaraf peralatan kiosk.

Dengan pelaksanaan konsep ini, adalah diharapkan usahawan akan dapat mengalami transformasi ke arah membina jenama perniagaan alaf baru dan terus membawa impak yang positif kepada sektor pertanian dan industri asas tani negara.